



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## **SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN 2018, LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Cyberjaya, 24 Oktober - Sukacita dimaklumkan bahawa sempena pembentangan Bajet 2019 oleh Menteri Kewangan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) akan menganjurkan Seminar Percukaian Kebangsaan mulai 13 November sehingga 6 Disember 2018 di 24 lokasi seluruh negara.

Seminar ini diharapkan akan dapat memberikan pemahaman yang lebih jelas berkaitan cadangan pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 serta akta-akta berkaitan yang dibentangkan melalui Bajet 2019 tersebut serta mewujudkan masyarakat yang celik cukai.

Sehubungan itu, kami menyeru pembayar cukai, pengamal percukaian, akauntan, perancang kewangan, setiausaha dan pengarah syarikat serta orang ramai yang berminat untuk menghadiri seminar ini bagi mengemaskini pengetahuan percukaian mereka.

Topik yang akan dibincangkan sepanjang seminar ini berlangsung ialah:

- i. **Cadangan-cadangan Bajet 2019 (2019 Budget Proposals)**
- ii. **Hasil: Tanggungjawab Kita (Revenue: Our Responsibility)**

Tarikh dan lokasi seminar adalah seperti berikut :

<b>Tarikh</b>	<b>Hari</b>	<b>Lokasi Seminar</b>
13 November 2018	Selasa	Kuala Lumpur
15 November 2018	Khamis	Bukit Mertajam
19 November 2018	Isnin	Johor Bahru
		Sungai Petani
		Kota Bharu
21 November 2018	Rabu	Melaka
22 November 2018	Khamis	Ipoh
		Kuching
		Seremban
		Kota Kinabalu
26 November 2018	Isnin	Pulau Pinang
		Kuala Terengganu
27 November 2018	Selasa	Kuantan
		Miri
		Labuan
		Muar
29 November 2018	Khamis	Bintulu
		Keningau

3 Disember 2018	Isnin	Kluang
4 Disember 2018	Selasa	Taiping
		Sandakan
		Shah Alam
6 Disember 2018	Khamis	Tawau
		Sibu

Sila layari portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) atau klik pautan di bawah untuk keterangan lanjut dan mendaftar sebagai peserta.

[http://lampiran2.hasil.gov.my/pdf/pdfam/PRE\\_ANNOUNCEMENT\\_SPK\\_2018\\_01.pdf](http://lampiran2.hasil.gov.my/pdf/pdfam/PRE_ANNOUNCEMENT_SPK_2018_01.pdf)

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**  
☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873  
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 24 Oktober 2018**